

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

**TARIKH : 13 MAC 2019
MENJAWAB**

SOALAN : 61

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hubungan pihak eksekutif dengan Jabatan Peguam Negara memandangkan e-mel pekeliling yang dikeluarkan oleh Peguam Cara Negara III kepada pegawai-pegawainya merujuk kepada satu mesyuarat Kabinet pada 19 Disember 2018 menyampaikan arahan dari Perdana Menteri iaitu kes jenayah yang difailkan atas individu tertentu perlu dijalankan mengikut jadual dan tidak boleh ditangguhkan.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara merupakan suatu Jabatan Kerajaan yang fungsi terasnya dijalankan oleh pegawai undang-undang di bawah perkhidmatan kehakiman dan perundangan selaras dengan Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.
2. Walaupun Peguam Negara merupakan penasihat undang-undang utama kepada pihak eksekutif, namun bagi hal perkara berkaitan perbicaraan sesuatu kes jenayah, Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya yang mempunyai kuasa budi bicara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding kesalahan jenayah selaras dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak menerima arahan daripada pihak eksekutif dan adalah bebas.
3. Berhubungan dengan pengendalian kes jenayah, subseksyen 172B(1) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] memperuntukkan bahawa pengurusan kes hendaklah dimulakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah dan subseksyen 172B(4) Kanun Tatacara Jenayah pula memperuntukkan bahawa suatu perbicaraan hendaklah dimulakan tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh tertuduh dipertuduh di mahkamah.

“Case management

172B. (1) A Magistrate, Sessions Court Judge or Judge of the High Court, as the case may be, shall commence a case management process within sixty days from the date of the accused being charged and claims to be tried.

(2) . . .

(3) . . .

(4) The trial shall commence not later than ninety days from the date of the accused being charged.”.

4. Seterusnya Kanun Tatacara Jenayah juga memperuntukkan bahawa suatu kes jenayah hendaklah diselesaikan mengikut tempoh masa perbicaraan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah. Oleh itu, Timbalan Pendakwa Raya telah diarahkan supaya tidak memohon apa-apa penangguhan perbicaraan kes kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

5. Selaras dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan mengambil kira peringatan daripada Perdana Menteri, Peguam Cara Negara III telah mengeluarkan e-mel pekeliling memaklumkan arahan Peguam Negara kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes melibatkan individu tertentu perlu dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh mahkamah tanpa sebarang penangguhan.

6. Jabatan Peguam Negara sebagai sebahagian daripada jentera pentadbiran persekutuan akan melaksanakan apa-apa arahan daripada Kerajaan Persekutuan selagi arahan tersebut tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang lain.

Sekian, terima kasih.